

31 JAN 1996

Asia-Eropah

MALAYSIA MAHU MESYUARAT ASIA-EU JADI SIDANG KEMUNCAK KETUA KERAJAAN

Oleh: Abdul Rahman Ahmad

PHUKET (Thailand), 31 Jan (Bernama) -- Malaysia mahu sidang kemuncak ketua-ketua kerajaan Asia dan Eropah (ASEM) yang julung kali diadakan di Bangkok pada 1 dan 2 Mac dikhususkan untuk ketua-ketua kerajaan sahaja.

Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Tan Sri Ahmad Kamil Jaafar hari ini berkata mesyuarat ketua-ketua kerajaan tanpa mesyuarat peringkat menteri dijangka akan lebih berhasil kerana para ketua kerajaan dapat membincangkan pelbagai perkara dengan lebih terbuka dan berterus-terang.

Beliau berkata ini telah dibuktikan di sidang kemuncak forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) dan sidang kemuncak ASEAN dan tidak ada alasan mengapa sidang kemuncak Asia-Eropah tidak dapat mencapai hasil yang serupa.

Beliau berkata demikian kerana adanya permintaan daripada EU supaya mesyuarat serupa diadakan di peringkat menteri sebelum berlangsungnya sidang kemuncak bersejarah itu yang akan menemukan ketua-ketua kerajaan dari dua rantau yang mencatat pertumbuhan tinggi itu.

"Inilah yang kami alami di Asean dan jika Asean dapat mencapai kejayaan, saya tidak nampak mengapa kita tidak boleh mencapai kejayaan yang serupa apabila Asia bertemu Eropah," katanya kepada wartawan Malaysia di sini sebelum menghadiri mesyuarat pegawai kanan yang mendahului mesyuarat tidak rasmi Menteri-menteri Luar Asia bermula Jumaat ini.

Bagaimanapun, untuk mengatasi apa-apa masalah, beliau mencadangkan diadakan mesyuarat peringkat menteri jauh lebih awal daripada sidang kemuncak itu dan bukan semasa sidang kemuncak berlangsung, tambahnya.

Mesyuarat menteri-menteri luar di pulau peranginan ini, yang akan diikuti oleh mesyuarat menteri-menteri ekonomi di Chiangrai pada 15 dan 16 Februari ialah sebagai persiapan bagi sidang kemuncak ASEM.

Negara-negara Asia yang menghadiri sidang kemuncak itu - tujuh negara anggota ASEAN, China, Jepun dan Korea Selatan, telah bersetuju agar sidang kemuncak itu tidak membabitkan mesyuarat peringkat menteri.

Negara-negara EU pula terdiri daripada Austria, Belgium, Denmark, Finland, Perancis, Jerman, Greece, Ireland, Itali, Luxembourg, Belanda, Portugal, Spanyol, Sweden dan United Kingdom.

"Di mesyuarat pegawai kanan esok, kita perlu membuat keputusan yang rumit, sama ada akan mengadakan sidang kemuncak ketua kerajaan atau turut memasukkan mesyuarat peringkat menteri sebelumnya.... kita perlu selesaikan perkara ini kerana kita kesuntukan masa," katanya.

Ahmad Kamil berkata meskipun tidak ada agenda khusus bagi sidang kemuncak ASEM, ketua-ketua kerajaan bebas untuk membawa sebarang isu seperti ujian nuklear, perlucutan senjata nuklear atau hak asasi manusia.

Mesyuarat ini akan membuka laluan bagi interaksi yang lebih antara ketua-ketua kerajaan dari kedua-dua rantau ... "ia bukan berbentuk konfrontasi," katanya.

"Terpulang kepada mereka untuk membawa apa-apa isu yang mereka fikirkan berfaedah kepada Eropah dan Asia," katanya menjawab satu soalan sama ada wajar bagi Malaysia untuk membangkitkan ujian nuklear Perancis semasa sidang kemuncak itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semasa mengulas pengumuman presiden Perancis, Jacques Chirac bahawa Perancis telah menamatkan siri ujian nuklearnya di kawasan terumbu Mururoa dan Fangataufa, 1,200 km di barat daya Tahiti, semalam berkata beliau akan membangkitkan perkara itu di sidang kemuncak tersebut.

Ahmad Kamil juga berkata dalam beberapa tahun akan datang,

pemimpin-pemimpin Asia dan Eropah akan saling memahami masalah dan keimbangan yang mereka alami...."ini juga akan membuka jalan bagi kerjasama lebih erat antara pemimpin Asia dan Eropah dalam menangani masalah dunia."

Pemangku Menteri Luar, Datuk Abu Hassan Omar, akan mewakili Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi, yang menjalani pembedahan jantung baru-baru ini. -- BERNAMA.